

# Keluarga dan rakan berkumpul di rumah Mahathir

ALUR SETAR 20 Dis. — Kaum keluarga dan rakan sebaya Perdana Menteri berhimpun di Rumah Kelahiran Mahathir Mohamad pada majlis sesi perbualan, sempena ulang tahun kedua perasmian rumah tersebut, hari ini.

Majlis dimulakan dengan bacaan doa selamat kerana hari ini juga genap 69 tahun usia Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Antara yang hadir pada majlis tersebut ialah kakak sulung Perdana Menteri, Rafeah atau dikenali Makcik Puteh, Habsah (Mak Bibi), abangnya Mashahor serta anak-anak saudaranya.

Turut menyingkap kisah-kisah lama ialah rakan sekelas dan rakan perniagaan Perdana Menteri, Othman Abu Bakar, pesara Jabatan Parit dan Taliair (DID) yang kini dikenali Jabatan Parit dan Saliran (JPS).

Ketua Pengarah Arkib Negara, Datuk Zakiah Hanum

berkata, siri perbualan itu adalah sebahagian daripada aspek sejarah yang dirakamkan untuk bahan rujukan generasi akan datang.

Rumah Kelahiran Mahathir Mohamad terletak di Lorong Kilang Ais, Jalan Pegawai di sini dibina sekitar tahun 1900, telah dibaikpulih oleh Arkib Negara tanpa mengubah kedudukan asalnya.

Rumah itu dirasmikan oleh Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Sabbaruddin Chik pada 20 Disember 1992 dan selepas itu ia dibuka kepada orang ramai.

Antara bahan-bahan yang dipamerkan di dalam rumah tersebut termasuk peralatan perubatan semasa Mahathir menjadi doktor, gambar-gambar Perdana Menteri bersama keluarga semasa kecil dan zaman remajanya, keratan akhbar serta salinan sijil.